

Buletin Wakaf

Isu 2 | 18 Disember 2013

Sambutan Baik Wakaf Selangor Muamalat

Bermula dari hari pelancaran perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat (WSM) pada 27 September 2012 hingga akhir November 2013, sambutan yang telah diterima di kalangan individu dan syarikat amat menggalakkan. Purata kutipan dana wakaf bagi setiap bulan sekitar RM 132,236.11. Di dalam tempoh ini juga, WSM telah melaksanakan sebanyak 7 buah projek sumbangan wakaf iaitu 4 buah projek di bidang kesihatan dan bakinya di bidang pendidikan. Keseluruhan projek ini bernilai RM 465,763.80.

Wakaf
Selangor Muamalat

esok
masih
ada?

Kutipan Dana WSM Julai hingga November 2013

TAHUN	BULAN	JUMLAH
2013	Julai	203,592.86
	Ogos	178,179.51
	September	133,893.64
	Oktober	148,756.34
	November	189,183.03
Jumlah Kutipan 5 bulan		853,605.38
Dana Semasa WSM sehingga 30 /11/13		2,533,240.30

"Perumpamaan (derma atau nafkah) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai; setiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui".

(Al-Baqarah : 261)

Perkembangan Projek WSM Julai hingga November 2013



No	Jenis Bantuan Wakaf	Jumlah Diluluskan	Pemohon	Status
1	Peralatan perubatan untuk Pusat Penjagaan Orang Tua & warga Terdampar	RM 35,600.00	Pusat Jagaan Al-Fikrah, Kajang	Majlis penyerahan pada 3/8/2013
2	2 mesin dialisis untuk pesakit yang miskin	RM76,000.00	Dailisis Nur Ain, Rawang	dilaksanakan pada 7/10/2013
3	Klinik bergerak	RM 254,900.00	JPB WSM	Menanti kelulusan dari pihak KKM
4	Mesin embosser untuk percetakan al-Quran braille	RM14,633.80	Persatuan Orang-orang Cacat Islam Malaysia (PERTIS)	Majlis penyerahan pada 11/11/2013
5	Al-quran & buku Iqra	RM4,500.00	SRA Kampong Perepat, Klang	Majlis penyerahan pada 28/11/2013
Jumlah Sumbangan		RM 385,633.80		



Peralatan Perubatan untuk pusat jagaan bagi warga terdampar

Pusat Jagaan Al-Fikrah di Kajang menerima sumbangan wakaf peralatan perubatan bernilai RM35,600.00 bagi penghuni mereka yang terdiri daripada pesakit-pesakit terdampar yang telah dikeluarkan oleh pihak hospital dan tidak mampu menyara diri sendiri. Pusat jagaan ini juga menjadi penempatan bagi orang tua yang tiada tempat bergantung.



2 Mesin Dialisis untuk pesakit miskin



2 buah mesin dialisis telah disumbangkan kepada Pusat Dialisis Nur 'Ain (DNA), Rawang berjumlah RM76,000.00. Pihak DNA akan mengenakan caj minimum sebanyak RM100 bagi setiap pesakit yang tidak berkemampuan. Caj ini hanya menampung kos asas yang ditanggung oleh pihak DNA. Caj biasa bagi sekali rawatan ialah sekitar RM230 hingga RM300.



Mesin Embosser untuk percetakan Al-Quran Braille dan buku teks

Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) ibu pejabatnya di Gombak merupakan persatuan yang membantu orang-orang buta terutamanya dari segi pembelajaran tulisan braille serta membekalkan bahan rujukan dan Al-Quran Braille. WSM telah menyumbang sebuah mesin Braille dan almari khas kepada pihak persatuan bernilai RM14,633.80



Sebarang pertanyaan sila hubungi:



Unit Pengurusan Wakaf dan Sekretariat,
Jabatan Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad,
Tingkat 20, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur



Emel: shariahenquirygroup@muamalat.com.my
Tel: 03-2698 8787 Samb: 1245/ 1267/ 2822
(Tn. Hj. Che Mazlan, Cik Wan Nuraihan & En. Abdul Aziz)